

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
MAKAN MALAM KERANA MENYAMBUT
ULANGTAHUN LEMBAGA PADI DAN BERAS
NEGARA (LPN) YANG KETIGA DI HOTEL
HILTON, KUALA LUMPUR PADA 27HB NOVEM-
BER, 1974

Tuan Pengerusi, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dan Datin Suhaila, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Tiga tahun yang lalu, pada 20hb September, 1971, saya telah merasmikan pelancaran Lembaga Padi dan Beras Negara atau LPN. Hari ini saya sukacita mendapat peluang menghadiri ulang-tahun kelahirannya genap tiga tahun, yang ditangguhkan ke hari ini oleh kerana 20hb September itu jatuh dalam bulan puasa.

Tujuan asal Kerajaan menubuhkan LPN ialah untuk menye-laraskan hal-hal berkaitan dengan pengeluaran, pengilangan dan pemasaran padi dan beras. Dengan demikian, penanam-penanam padi boleh menerima pendapatan yang berpatutan seimbang dengan nilai tenaga dan titik peluh mereka. Di samping itu, pengguna-pengguna beras dapat membeli beras dengan harga yang berpatutan dan bekalannya terjamin pada setiap masa.

Beberapa bulan sahaja selepas lahirnya LPN, perusahaan beras di pasaran dunia telah meningkat naik. Dan kenaikan harga ini telah memberi kesan kepada negara kita oleh kerana Malaysia masih mengimpot kira-kira 200,000 tan beras setahun, atau lima belas peratus daripada keperluannya. Adalah menjadi tugas LPN untuk menentukan adanya bekalan yang cukup di seluruh negara. Ini telah dapat dihasilkan oleh LPN dengan baik. Saya telah diberi tahu iaitu LPN dapat mengimpot beras dari awal tahun 1973 hingga sekarang sebanyak 358,000 tan atau 3.58 juta guni. Ini adalah satu kejayaan yang patut dipuji kerana memandangkan kepada keadaan kekurangan beras dalam dunia.

Saya telah juga menugaskan LPN supaya menjalankan kerja-kerja membahagi dan mengedar beras selain dari ianya menjadi sumber penting bagi seluruh negara. Kerja-kerja inipun telah dapat dilakukan oleh LPN dengan memuaskan.

Saya telah sebutkan dahulu dalam upacara pelancaran LPN iaitu kita mahu petani-petani kita memperolehi pendapatan yang

seimbang dengan kerja-kerja yang raereka lakukan. Bermakna iaitu antara lain harga padi mesti dijaga supaya stabil setiap masa. Dan kestabilan harga padi dan beras dalam Malaysia semenjak tertubuhnya LPN, mencerminkan kejayaan Lembaga ini dalam menyelaraskan dan melaksanakan tugas-tugas yang telah diberikan kepadanya. Di sini suka saya mengambil peluang menyatakan penghargaan saya kepada Y.B. Tan Sri Syed Nasir bin Ismail yang telah menjadi Pengerusi LPN semenjak mula tertubuhnya LPN sehingga akhir bulan lepas dan terhadap executive Timbalan Pengerusinya merangkap Ketua Pengarah, Encik Mohd. Noor Hassan, dan semua pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan LPN.

Saya juga tidak lupa mengucapkan terimakasih kepada anggota-anggota Jawatankuasa Kabinet mengenai Beras dan Barang-barang Perlu yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn sendiri, dan Pasukan Petugas di bawahnya yang dipengerusikan oleh Encik Abdul Aziz Zakaria, Timbalan Ketua Setiausaha, Jabatan Perdana Menteri. Dengan adanya Jawatankuasa Kabinet yang ditubuhkan pada bulan September 1973 dan Pasukan Petugas itu, maka pihak LPN dapat mengemukakan kepada Kerajaan perkara-perkara yang berkehendakkan keputusan yang cepat terutama sekali mengenai kuasa-kuasa yang dikehendaki dan kewangan dan mengadakan penyelarasan yang efektif di antara tugas-tugas LPN dan kerja-kerja jentera-jentera Kerajaan yang lain termasuk Kastam, Polis dan tentera.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Oleh kerana negara kita belum mengeluarkan beras yang secukupnya, maka kita terpaksa mengimpot kira-kira lima belas peratus daripada jumlah beras keperluan kita. Sebagaimana saya katakan tadi, sepanjang tahun 1973 dan sehingga bulan Oktober tahun ini, sejumlah 358,000 tan beras telah diimpot oleh Kerajaan melalui LPN. Harga beras impot ini ialah sebanyak \$420 juta; dan untuk memastikan bahawa harga beras dalam negeri tidak melebihi apa yang berpatutan, maka pihak Kerajaan telah mengeluarkan subsidi yang banyak. Bagi 358,000 tan beras yang diimpot itu, Kerajaan telah mengeluarkan direct subsidi sebanyak \$140 juta. Ini bermakna pada sekati beras asing yang dibeli oleh pengguna-pengguna, Kerajaan memberikan subsidi sebanyak 23.65 sen, atau tiga puluh satu peratus daripada kos belian.

Di samping itu, Kerajaan telah mengadakan langkah-langkah lain yang positif seperti Kawalan Harga Beras, perlesenan atas peniaga-peniaga beras, anti-sorok dan anti-penyeludupan, untuk menjaga dan melindungi kepentingan pengguna-pengguna. Kawalan Harga Beras ini telah dikuatkuasakan mulai 3hb Mei tahun ini dan berjalan dengan licin sehingga hari ini. Di bawah Undang-undang Kawalan Harga Beras ini, tiap-tiap peniaga beras dikehendaki menjual beras dengan harga tidak melebihi daripada harga maksima yang ditetapkan bagi satu-satu kawasan atau "prize zone", dan mengikut gred-gred beras yang tertentu. Semua jenis beras juga dinamakan semula mengikut ukuran—panjang, sederhana, dan pendek—dan mengikut peratus pecahannya. Nama-nama lama yang beratus-ratus banyaknya itu tidak digunakan lagi.

Peraturan-peraturan baharu ini adalah bertujuan menjaga dan melindungi kepentingan pengguna-pengguna supaya direct subsidi sebanyak \$140 juta yang telah dibelanjakan itu sampai kepada mereka dan tidak bocor di sepanjang jalan.

Pembahagian dan penjualan beras impot ini adalah dibuat oleh LPN dengan cara yang teratur dan memuaskan. Pada masa ini, seramai 750 pemborong beras swasta, atau tujuh puluh peratus daripada jumlah pemborong-pemborong beras, bergantung kepada LPN bagi mendapatkan bekalan beras, samada beras yang berasal dari beras impot atau beras tempatan.

Satu perkara yang menarik perhatian saya ialah, dalam masa krisis beras dunia ini, banyak peniaga beras yang baharu telah muncul, dan daripadanya ramai juga Bumiputra yang buat pertama kalinya berniaga beras. Sebelum tertubuhnya LPN, Bumiputra tidak ramai berniaga beras bukan sahaja kerana bekalan beras sukar didapati dan pemasarannya terhad, tetapi juga kecenderungan mereka tidak begitu kuat di lapangan perniagaan beras di masa itu. Tetapi dalam masa dua tahun ini, saya dapati bahawa bilangan Bumiputra telah meningkat 300 peratus jika dibandingkan dengan tahun 1971.

Saya harap kemudahan-kemudahan perniagaan beras yang diberikan oleh LPN kepada peniaga-peniaga beras yang tulin akan terus digunakan, terutamanya oleh peniaga-peniaga Bumiputra dan badan-badan yang telah menerima bekalan beras terus daripada LPN di bawah Saluran Baharu yang telah diwujudkan oleh Kerajaan baharu-baharu ini. Dengan demikian, keuntungan yang

berlebihan tidak mungkin didapati oleh mana-mana pihak, dan dengan itu juga tidaklah akan berlaku keadaan monopoli dalam perniagaan beras di negara kita.

Petani-petani kita juga tidak dilupai. Harga padi yang didapati oleh mereka sekarang ini telah naik hampir seratus peratus dibandingkan dengan apa yang didapati oleh mereka dua tahun yang lalu. Mereka menikmati pendapatan yang lumayan dalam beberapa musim menuai dikebelakangan ini, seimbang dengan nilai tenaga dan titik peluh mereka. Harga padi mereka sentiasa terjamin dan Kerajaan melalui LPN, akan terus mengadakan Harga Minima Terjamin atau Guaranteed Minimum Price atas peringkat yang berpatutan yang juga berasaskan harga beras yang berpatutan kepada pengguna-pengguna.

Dalam menjalankan tugas-tugasnya, LPN tidak berniat mengambil alih hak-hak pihak swasta. Lembaga ini hanya menambah atau "supplement" apa yang dijalankan oleh mereka untuk mencapai kestabilan bekalan dan harga dalam perusahaan padi dan beras di negara kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Dasar Kerajaan pada masa ini ialah mengeluarkan beras yang cukup bagi keperluan penduduk-penduduk negara kita. Tanah-tanah baru sesuai bagi tanaman padi akan dibuka dalam beberapa tahun ini bagi mencapai tujuan ini. Begitu juga kita akan menambah lagi kawasan padi yang ditanam dua kali setahun. Pada masa ini hanyalah 40% sahaja daripada tanah padi yang sedang ditanam dua kali setahun dan kita harap ini akan bertambah kepada 70% dalam tahun 1976. Bagi tanah yang lain yang tidak dapat diadakan kemudahan untuk bertanam dua kali setahun, Kerajaan berharap petani-petani akan menggunakan tanah itu dengan tanaman-tanaman yang lain ataupun alternative crops seperti jagung, sekoi, kacang, tembakau dan juga menternak.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Bila LPN ditubuhkan tiga tahun yang lalu, beras di pasaran dunia adalah banyak, dan harganya terlalu murah berbanding dengan harga beras pengeluaran negara kita. Sebagaimana saya katakan tadi, situasi ini dengan tiba-tiba bertukar menjadikan beras pengeluaran tempatan jauh lebih murah daripada beras d. pasaran dunia.

Tetapi, daripada apa yang saya ketahui, "a turning point" telah bermula di pasaran dunia sekarang ini. Beras boleh dibeli dengan senang di negara-negara pengeksport beras dan harganya pun mulai turun. Setakat mana harga ini turun dan mungkinkah harga beras di pasaran dunia turun lebih rendah daripada harga beras di Malaysia, belumlah boleh diramalkan lagi. Tetapi, adalah menjadi kewajipan dan tugas LPN bersiap sedia menghadapi situasi pasaran baharu dalam dan luar negara di masa stagflasi yang dihadapi oleh seluruh dunia sekarang ini.

Dengan tibanya "a turning point" di pasaran beras dunia itu, LPN juga menerima perubahan pimpinannya. Lembaga ini mendapat seorang Pengerusi yang baharu yang akan memimpin LPN menghadapi cabaran-cabaran baharu itu. Pengerusi barunya, iaitu Y.B. Encik Mohd. Sopicie, ialah seorang yang banyak pengalaman dan kebolehan. Dengan kerjasama pegawai-pegawai dan kakitangan LPN, saya yakin beliau akan dapat mengekalkan kestabilan bekalan dan harga padi dan beras seperti yang ada sekarang.

Kepada bekas Pengerusi LPN, Y.B. Tan Sri Syed Nasir Ismail, yang bertanggungjawab mewujudkan situasi yang memuaskan dikalangan petani-petani dan pengguna-pengguna di masa ini, saya sukalah sekali lagi mengucapkan terimakasih pihak Kerajaan kepada beliau. Beliau telah berhenti oleh sebab terpaksa menumpukan masa kepada tanggungjawab yang baru dan penting sebagai Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah. Dan lagi baru-baru ini beliau telah dilantik menjadi Timbalan Speaker Dewan Rakyat.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sebagai mengakhiri ucapan saya, saya sukalah menzahirkan perasaan kesyukuran kita semua ke hadrat Allah s.w.t. kerana sungguhpun dunia termasuklah negara kita sedang menghadapi keadaan ekonomi yang morosot, keadaan yang dikatakan stagflasi, tetapi makanan-makanan di negara kita adalah cukup. Keadaan di negara kita jika dibanding dengan setengah-setengah negara lain adalah jauh lebih baik. Di setengah-setengah negara lain ramai orang yang menghadapi kelaparan akan tetapi di negara kita yang mempunyai tanah yang subur, barang-barang makanan dapat dikeluarkan dengan banyak asalkan kita semua berani berusaha dan bertenaga berdiri atas kaki sendiri untuk mengadakan barang-barang keperluan kita sendiri. Inilah seruan yang sentiasa saya buat kepada rakyat di negara kita untuk menghadapi keadaan ekonomi yang merosot. Kerajaan sedang

mengambil apa juga langkah yang difikirkan perlu untuk hendak mengawasi keadaan ini, menjamin harga barang-barang keluaran seperti getah tidak terlalu merosot dan juga berusaha serta menolong membantu rakyat bagi mengeluarkan barang-barang makanan dan keperluan dengan lebih banyak lagi.

Oleh itu, saya berharap kepada rakyat supaya mereka itu faham akan kedudukan yang sebenar dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang bertujuan semata-mata hendak menimbulkan huru hara dan pecah belah di kalangan rakyat. Keadaan yang genting yang kita hadapi sekarang ini tidak dapat dielak oleh sebab ini keadaan dunia pada masa ini dan semua negara adalah terlibat. Dengan sebab itu, saya berseru kepada rakyat iaitu kalau mereka itu memberi kerjasama kepada Kerajaan dan sedia berdikari, dengan izin Tuhan, kita akan dapat menghadapi keadaan genting ini dengan jayanya dan kita tidak akan menghadapi kelaparan atau kesusahan seperti yang dihadapi oleh setengah-setengah negara lain.

Tuan-tuan dan Paun-paun.

Sempena hari yang berbahagia menyambut ulangtahun L P N yang ketiga ini, saya suka mengucapkan kepada semua pegawai dan kakitangan L P N selamat maju Jaya, semoga Allah s.w.t. sentiasa memberkati usaha tuan-tuan dan puan-puan dan kita sekalian pada setiap masa.